A **WAN AZMAN ATAN**

lwn.

PP

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
APANDI ALI H
[RAYUAN JENAYAH NO: 2005]
12 DISEMBER 2005

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Rayuan - Sama ada hukuman berkuatkuasa selepas habis tempoh hukuman terdahulu - Sama ada mahkamah harus mengubah hukuman yang dijatuhkan - Hukuman penjara 12 tahun dan sebatan tiga kali - Sama ada dikekalkan - Kanun Prosedur Jenayah, ss. 282(d), 292(1)*

D Perayu dalam kes ini telah disabitkan selepas suatu perbicaraan penuh di atas pertuduhan melakukan rogol ke atas seorang kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun semasa kejadian, iaitu kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan. Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun dan tiga sebatan rotan. Perayu tidak berpuas hati dengan hukuman dan merayu terhadapnya. Isu yang timbul adalah sama ada hukuman itu berjalan sebaik sahaja hukuman dijatuhkan atau selepas habis tempoh hukuman penjara yang terdahulu.

F **Diputuskan:**

(1) Hukuman terdahulu adalah hukuman penjara berkait suatu kesalahan penyalahgunaan dadah dan tidak ada kaitan dari segi penjenisan kesalahan jenayah dan begitu juga dari segi masa G kejadian. Maka, justeru itu, masa untuk hukuman berjalan seharusnyalah berkuatkuasa selepas habis tempoh hukuman penjara yang terdahulu. Adalah didapati tidak ada sebab untuk mahkamah ini mengganggu atau mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu. Dengan itu, H hukuman penjara selama 12 tahun dan sebatan sebanyak tiga kali dikekalkan. Dan dengan menggunapakai peruntukan dalam s. 292(1) dan dibaca bersama s. 282(d) Kanun Prosedur Jenayah, hukuman penjara perayu diperintah bermula selepas tamat tempoh apa-apa hukuman penjara yang sedang dijalani I oleh perayu. (perenggan 8, 19 & 20)

Case(s) referred to:
Abdul Rahman v. PP [1938] MLJ 219 ***(refd)***
Abu Bakar Alif v. R [1953] MLJ 19 ***(refd)***
Ang Chai Seng v. PP [2000] 1 CLJ 213 CA ***(refd)***
Bhandulananda Jayatilake v. PP [1982] 1 MLJ 83 ***(refd)***
Mohamad Senik v. PP [2005] 4 MLJ 164 ***(refd)***
Phillip Lau Chee Heng v. PP [1988] 3 MLJ 107 ***(refd)***
PP v. Fam Kim Hock [1957] MLJ 20 ***(refd)***
PP v. Jafa Daud [1981] 1 MLJ 315 ***(refd)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 ***(refd)***
PP v. Ooi Wang San [1998] 3 CLJ 270 CA ***(refd)***
PP v. Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 ***(refd)*** ***(refd)***
PP v. Tia Ah Leng [2000] 5 CLJ 614 HC ***(refd)***
R v. Leo De Cruz [1935] MLJ 1 ***(refd)***
R v. Teo Cheng Lian [1949] MLJ 170 ***(refd)***
Re Cheng Hoe & Ors [1966] 2 MLJ 252 ***(refd)***
Shafiruddin Selengka v. PP [1994] 4 CLJ 762 HC ***(refd)***
Tan Koon Swan v. PP [1987] 1 CLJ 511; [1987] CLJ (Rep) 1081 CA ***(refd)***
Wong Yuk Ai v. PP [1966] 2 MLJ 51 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 183, 282(d), 292(1), 316(b)(ii)
Federal Constitution, art. 5(1)
Penal Code, s. 376

Bagi pihak perayu - Nasarudin Abdul Manaf; T/n Ikmal & Rakan-Rakan
Bagi pihak responden - Hamdan Hamzah TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Apandi Ali H:

Sejarah Dan Fakta Ringkas Kes

[1] Perayu dalam kes ini telah disabitkan, selepas suatu perbicaraan penuh di atas pertuduhan melakukan rogol ke atas seorang kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun semasa kejadian, iaitu suatu kesalahan dibawah s. 376 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku pada 13 Mac 1996 dan perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen pada 24 Mei 2000, dengan hukuman penjara selama 12 tahun dan 3 sebatan rotan. Namun demikian, perayu tidak

menjalani hukuman tersebut kerana beliau telah dibebaskan dengan ikat jamin sementara menunggu rayuan terhadap sabitan dan hukuman di Mahkamah Tinggi Temerloh.

[2] Selepas beberapa penangguhan, rayuan di Mahkamah Tinggi telah dapat dibicarakan dan diputuskan pada 10 Mac 2005, di mana rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman telah ditolak. Hukuman oleh Hakim Mahkamah Sesyen telah diperakukan dan dikekalkan.

[3] Dengan notis rayuan dalam Borang B bertarikh 21 Mac 2005 yang difailkan melalui pihak Penjara Taiping, perayu sekarang tidak berpuashati dengan hukuman dan merayu terhadap hukuman sahaja. Dengan itu perayu tidak merayu terhadap sabitan. Oleh itu alasan penghakiman ini akan ditumpukan kepada persoalan hukuman sahaja.

Hukuman Yang Dikenakan

[4] Semasa rayuan perayu di Mahkamah Tinggi ditolak, hukuman yang dijatuhkan, mengikut nota prosiding berbunyi seperti berikut:

> Dengan itu Rayuan Perayu di tolak, dan sabitan/hukuman yang diputuskan oleh Hakim Bicara dikekalkan. Hukuman penjara akan berjalan selepas habis tempoh penjara di atas apa-apa kesalahan lain yang sedia ada.

[5] Harus diperjelaskan di sini bahawa semasa prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi, ketika perayu tidak dapat hadir untuk bicara pada 12 Januari 2005, Peguambela perayu telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa anakguamnya (perayu) tidak dapat hadir kerana perayu sedang menjalani hukuman penjara berkait suatu kesalahan penyalahgunaan dadah. Malahan pada tarikh keputusan rayuan dibuat, perayu telah hadir ekoran daripada pengeluaran Perintah Bagi Mengemukakan Orang Dalam Jagaan oleh mahkamah kepada Pegawai Yang Menjaga Penjara di Taiping.

[6] Oleh kerana perayu merupakan seorang yang sedang menjalani hukuman penjara semasa rayuannya diputuskan dan oleh kerana perayu tidak pernah menjalani apa-apa hukuman berkait kesalahan yang dirayukan itu, maka adalah wajar dan tepat untuk hukuman penjara berkait rayuan itu berjalan selepas habis tempoh hukuman penjara yang sedang dijalani oleh perayu.

[7] Kedudukan undang-undang dalam situasi seperti ini amatlah jelas, sepertimana yang diperuntukan oleh s. 292(1) Kanun Prosedur Jenayah, yang dalam text asal Inggeris berbunyi:

> When a person who is an escaped convict or is undergoing a sentence of imprisonment is sentenced to imprisonment, such imprisonment shall commence either immediately or at the expiration of the imprisonment to which he has been previously sentenced, as the Court awarding the sentence may award.

[8] Budibicara yang diberi kepada mahkamah ialah samada hukuman itu berjalan sebaik sahaja hukuman dijatuhkan atau selepas habis tempoh hukuman penjara yang terdahulu. Dalam kes ini adalah didapati, budibicara secara kehakiman yang tepat ialah dengan melihat kepada jenis kesalahan serta masa kejadian jenayah yang berkaitan. Dalam kes ini hukuman terdahulu nampaknya tidak ada kaitan dari segi penjenisan kesalahan jenayah dan begitu juga dari segi masa kejadian. Maka, justeru itu masa untuk hukuman berjalan seharusnyalah berkuatkuasa selepas habis tempoh hukuman penjara yang terdahulu. Prinsip kehakiman yang diamalkan berkait dengan s. 292(1) Kanun Prosedur Jenayah dapat dilihat dalam nas-nas undang-undang seperti berikut:

(i) *Wong Yuk Ai v. PP* [1966] 2 MLJ 51

(ii) *Shafiruddin bin Selengka v. PP* [1994] 4 CLJ 762

(iii) *PP v. Ooi Wang San* [1998] 3 CLJ 270

[9] Budibicara ini jika diperhatikan adalah dikuatkan lagi dan sejajar dengan peruntukan di bawah s. 282(d) Kanun Prosedur Jenayah, yang mana dalam text asal Inggeris berbunyi:

> **Provisions as to execution of sentences of imprisonment**
>
> 282. With regard to sentences of imprisonment the following provision shall be followed:
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> (c) ...
>
> (d) every sentence of imprisonment shall take effect from the date on which it was passed unless the Court passing the sentence otherwise directs.

A **Prinsip Hukuman**

[10] Peruntukan undang-undang mengenai hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi adalah seperti yang terdapat di bawah s. 183 Kanun Prosedur Jenayah; dan peruntukan secara am
B dalam apa jua hukuman ialah sepertimana yang digariskan dalam Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Rangkai kata "according to law" dalam Kanun Prosedur Jenayah dan "in accordance to law" dalam Perlembagaan Persekutuan membawa erti bahawa hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja perlu mengikut lingkungan
C seksyen hukuman tetapi mestilah juga dinilai dan diputuskan mengikut prinsip kehakiman yang telah dianuti dan digunapakai.

[11] Penjelasan mengenai perkara ini dapat dilihat dalam nas-nas undang-undang berikut:

D (i) *Re Cheng Hoe & Ors* [1966] 2 MLJ 252

(ii) *PP v. Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315

(ii) *Phillip Lau Chee Heng v. PP* [1988] 3 MLJ 107

E (iv) *PP v. Tia Ah Leng* [2000] 5 CLJ 614

[12] Dalam penilaian hukuman juga mahkamah pada amnya perlu memberi antara pertimbangan utama ialah kepentingan awam. Keadilan, semasa menetapkan hukuman, bukanlah keadilan kepada
F orang kena tuduh sahaja, tetapi juga merupakan keadilan kepada awam. Oleh itu semasa hukuman dijatuhkan mahkamah perlu menimbang kepentingan masyarakat. Mahkamah perlu melihat kepada keseimbangan antara kepentingan awam dengan kepentingan orang yang hendak dihukum. Adakalanya mahkamah
G perlu peka kepada gejala sosial yang melanda masyarakat dan perlu menjadi perantaraan untuk menyampaikan dan mencerminkan kebencian masyarakat terhadap sesuatu jenis perbuatan jenayah.

[13] Prinsip mengenai pertimbangan awam semasa menjatuhkan
H hukuman dapat dilihat dalam kes-kes seperti berikut:

(i) *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186

(ii) *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256

I (iii) *Ang Chai Seng v. PP* [2000] 1 CLJ 213

Prinsip Dalam Rayuan Terhadap Hukuman

[14] Prinsip yang digunapakai dalam mendengar kes-kes rayuan terhadap hukuman adalah jelas: Mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengganggu atau mengubah sesuatu hukuman asal kecuali dapat dibuktikan bahawa mahkamah bawahan telah menggunapakai prinsip yang salah atau telah tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya dan sepatutnya kepada sesuatu fakta atau keterangan, semasa menjatuhkan hukuman.

[15] Prinsip ini telah wujud, diamalkan dan dikekalkan dalam kes-kes sebelum Perang Dunia Kedua dan juga sejak sebelum merdeka lagi. Ini dapat dilihat dalam kes-kes seperti berikut:

(i) *R v. Leo De Cruz* [1935] MLJ 1

(ii) *Abdul Rahman v. PP* [1938] MLJ 219

(iii) *R v. Teo Cheng Lian* [1949] MLJ 170

(iv) *Abu Bakar bin Alif v. R* [1953] MLJ 19

(v) *PP v. Fam Kim Hock* [1957] MLJ 20

(vi) *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1982] 1 MLJ 83

(vii) *Tan Koon Swan v. PP* [1987] 1 CLJ 511; [1987] CLJ (Rep) 1081

[16] Prinsip ini juga telah dikuatkan dan disokong oleh peruntukan undang-undang yang memberi kuasa dan budibicara kepada mahkamah yang mendengar dan menolak rayuan. Peruntukan yang dimaksudkan ialah s. 316(b)(ii) Kanun Prosedur Jenayah.

Rumusan

[17] Mengikut peruntukan hukuman di atas kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan, perayu boleh dihukum dengan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun dan wajib dikenakan sebatan.

[18] Seperti yang dinyatakan di atas, perayu telah didapati bersalah merogol seorang kanak-kanak berumur 11 tahun semasa kejadian dan dihukum penjara selama 12 tahun dan disebat sebanyak 3 kali.

[19] Setelah meneliti keterangan dalam rekod rayuan dan dengan mengambilkira prinsip-prinsip yang dihuraikan seperti di atas, adalah didapati tidak ada sebab untuk saya mengganggu atau mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu. Saya juga telah berkesempatan untuk membaca nas undang-undang kes *Mohamad bin Senik v. PP* [2005] 4 MLJ 164 dan yang mana saya bersetuju dengan prinsip serta keputusan yang telah dibuat dan yang mana kes tersebut juga melibatkan kes rogol terhadap kanak-kanak di bawah umur. Namun begitu saya juga peka dengan prinsip yang disarankan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP*, yang dirujuk terlebih dahulu di atas, dan yang mana antara lain menyatakan:

> Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

[20] Dengan itu hukuman penjara selama 12 tahun dan sebatan sebanyak tiga kali oleh Hakim Mahkamah Sesyen dikekalkan. Dan dengan menggunapakai peruntukan dalam s. 292(1) dan dibaca bersama s. 282(d) Kanun Prosedur Jenayah, hukuman penjara perayu diperintah bermula selepas tamat tempoh apa-apa hukuman penjara yang sedang dijalani oleh perayu.